

# PERBUATAN MENGGODA PASANGAN YANG TELAH BERKAHWIN: PERTIMBANGAN UNDANG-UNDANG DAN MORAL SELEPAS PEMANSUHAN SEKSYEN 498 KANUN KESEKSAAN

*(Enticing a Married Spouse: Legal and Moral Considerations  
Following the Abolition of Section 498 of the Penal Code)*

Suhaizad Saifuddin<sup>1</sup>  
suhaizad@ukm.edu.my

Bernard Noel Beneldus<sup>2</sup>  
A189791@siswa.ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor,  
Malaysia. <sup>1&2</sup>

Pengarang Koresponden (*Corresponding author*):<sup>2</sup>

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Suhaizad Saifuddin & Bernard Noel Beneldus. (2025). Perbuatan menggoda pasangan yang telah berkahwin: Pertimbangan undang-undang dan moral selepas pemansuhan Seksyen 498 Kanun Keseksaan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(1), 121–142. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/kanun.37(1)no6)

|                              |          |                            |           |                             |            |                                                 |           |
|------------------------------|----------|----------------------------|-----------|-----------------------------|------------|-------------------------------------------------|-----------|
| Peroleh:<br><i>Received:</i> | 7/8/2024 | Semakan:<br><i>Revised</i> | 9/12/2024 | Terima:<br><i>Accepted:</i> | 16/12/2024 | Terbit dalam talian:<br><i>Published online</i> | 28/1/2025 |
|------------------------------|----------|----------------------------|-----------|-----------------------------|------------|-------------------------------------------------|-----------|

## Abstrak

Pengkaji membincangkan pemansuhan Kesalahan Memikat Wanita yang Sudah Berkahwin di bawah Seksyen 498 Kanun Keseksaan dan mengenal pasti undang-undang yang berkaitan dengan moral dan perzinaan dari perspektif agama dan sejarah. Pengkaji turut mengemukakan cadangan untuk menggantikan peruntukan yang telah dimansuhkan dengan undang-undang yang lebih sesuai. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kajian campuran, serta melibatkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Data diperoleh melalui kajian kepustakaan, dokumentasi dan soal selidik, yang kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan deskriptif secara frekuensi dan peratusan. Pengkaji mendapati bahawa pemansuhan Seksyen 498 selaras dengan prinsip hak asasi kesamarataan gender seperti yang

diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, perbuatan zina ialah kesalahan yang bertentangan dengan nilai budaya, moral dan agama, terutamanya bagi masyarakat Islam di Malaysia. Pemansuhan peruntukan ini berpotensi untuk memberikan implikasi negatif terhadap institusi kekeluargaan dan sosial di negara ini. Oleh itu, menerusi makalah ini, pengkaji mencadangkan penggubalan peruntukan baharu untuk menangani kesalahan menggoda pasangan yang telah berkahwin, sama ada suami atau isteri orang lain. Peruntukan ini diperlukan untuk menjamin kesamarataan gender, selaras dengan prinsip yang dipegang dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kata kunci: Jenayah, memikat isteri orang, moral, perzinaan, keluarga, masyarakat

### ***Abstract***

*This article examines the abolition of the Offence of Enticing a Married Woman under Section 498 of the Penal Code and identifies laws related to morality and adultery from religious and historical perspectives. The study aims to propose recommendations for replacing the repealed provision with more appropriate legislation. A mixed-method approach was employed, involving both qualitative and quantitative methods. Data were collected through literature reviews, documentation, and surveys, and subsequently analysed using content analysis and descriptive methods, including frequency and percentage distributions. The findings indicate that the repeal of Section 498 aligns with the principles of gender equality as provided in the Federal Constitution. However, adultery remains as offense against cultural, moral, and religious values, particularly within the Muslim community in Malaysia. The repeal of this provision may have adverse implications for family and social institutions in the country. Consequently, this article advocates for the enactment of a new provision to address the offense of enticing a married spouse, regardless of whether the spouse is a husband or wife. Such provision is essential to uphold gender equality, in line with the principles upheld in the Federal Constitution.*

*Keywords: Crime, enticing married women, morals, adultery, family, society*

## **PENDAHULUAN**

Kesalahan moral merujuk tindakan atau kelakuan yang dianggap melanggar norma dan etika masyarakat dari sudut moral, budaya dan

agama. Kesalahan moral di Malaysia sering dikaitkan dengan isu yang bertentangan dengan nilai agama Islam, iaitu agama rasmi negara ini, serta norma sosial yang diterima dalam masyarakat umum. Kesalahan moral bukanlah bentuk kesalahan baharu dalam masyarakat, tetapi telah wujud dan dikanunkan sejak berabad-abad dahulu. Satu daripada kesalahan moral ialah perbuatan menggoda isteri orang yang juga dikenali sebagai gangguan orang ketiga. Kesalahan ini pernah diperuntukkan di bawah Seksyen 498 Kanun Keseksaan. Orang ketiga merujuk individu luar yang menjalin hubungan intim atau emosi dengan pasangan yang berkahwin sehingga mengakibatkan gangguan dan ketegangan dalam hubungan suami isteri. Seksyen ini secara khususnya menjenayahkan tindakan menggoda atau menahan wanita yang berkahwin. Peruntukan ini juga berasal dan diambil daripada Seksyen 498 Kanun Keseksaan India. Seksyen 498 Kanun Keseksaan secara khusus merujuk tindakan mengambil atau memikat isteri orang lain dengan niat untuk mengadakan hubungan persetubuhan haram atau zina. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, Mahkamah Persekutuan memansuhkan Seksyen 498 Kanun Keseksaan melalui kes *Lai Hen Beng lwn Pendakwa Raya* [2024] 1 CLJ 681 atas alasan bahawa peruntukan tersebut tidak berperlembagaan. Ironinya, perbuatan curang dapat menjadi alasan bagi permohonan perceraian, sama ada bagi orang Islam atau bukan Islam di negara ini. Pemansuhan ini menimbulkan polemik kerana kesalahan moral seperti ini masih dianggap penting untuk menjaga keutuhan institusi keluarga dan nilai moral dalam masyarakat.

### **Pemansuhan Seksyen 498 Kanun Keseksaan**

Dengan berdasarkan undang-undang sivil di Malaysia, perbuatan zina tidak dianggap sebagai jenayah (Roslina Che Soh @ Yusof, 2021). Walau bagaimanapun, terdapat undang-undang secara khusus yang menjenayahkan godaan atau penahanan wanita yang berkahwin yang dengan niat untuk dapat melakukan persetubuhan haram yang diperuntukkan di bawah Seksyen 498 Kanun Keseksaan. Kesalahan ini juga dikenali sebagai kesalahan menggoda isteri orang atau gangguan pihak ketiga (Roslina Che Soh @ Yusof, 2021). Seksyen 498 Kanun Keseksaan pula diletakkan di bawah bab Kesalahan-kesalahan Berkenaan dengan Perkahwinan. Seksyen ini memperuntukkan kesalahan memikat atau membawa pergi atau menahan perempuan yang bersuami dengan niat jenayah seperti yang berikut:

Barang siapa membawa atau memikat pergi mana-mana perempuan yang menjadi dan yang ia ketahui, atau ada sebab dipercayai, sebagai isteri mana-mana lelaki lain, daripada lelaki itu, atau daripada mana-mana orang yang bertanggung menjaga perempuan itu bagi pihak lelaki itu, dengan niat supaya perempuan itu boleh melakukan persetubuhan yang ditegah dengan mana-mana orang, atau barang siapa menyembunyikan, atau menahan dengan niat seseorang perempuan tersebut, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda atau dengan kedua-duanya.

Dengan berdasarkan peruntukan ini, terdapat beberapa elemen yang perlu dipenuhi untuk membangkitkan kesalahan tersebut, iaitu perbuatan mengajak, membawa pergi atau menahan seorang perempuan yang bersuami, mempunyai niat jahat, mengetahui bahawa perempuan itu ialah isteri bagi lelaki lain dan dengan niat supaya perempuan itu melakukan persetubuhan dengan orang lain atau melakukan perbuatan yang melanggar kewajipannya sebagai isteri. Pihak pendakwaan memikul beban pembuktian bagi membuktikan semua elemen kesalahan yang menjadi fakta persoalan sebelum beban tersebut berpindah kepada pihak tertuduh (Suhaizad Saifuddin et al., 2024). Menurut undang-undang, pihak tertuduh juga boleh menggunakan dalihan, seperti alibi, pengecualian am, pengetahuan fakta secara khusus atau anggapan. Oleh hal yang demikian, prosiding litigasi jenayah di mahkamah menitikberatkan pembuktian selain pemakaian beban pembuktian dan tahap pembuktian yang tepat (Suhaizad Saifuddin & Hanifah Haydar Ali Tajuddin, 2024). Selain undang-undang keterangan, Seksyen 132 Kanun Tatacara Jenayah juga secara khusus memperuntukkan bahawa mahkamah boleh memutuskan kesalahan di bawah Seksyen 498 Kanun Keseksaan hanya apabila terdapat aduan daripada suami perempuan itu. Dalam erti kata lain, siasatan tidak boleh dilakukan sekiranya aduan dikemukakan oleh orang lain selain suami perempuan tersebut. Di samping itu, terdapat satu lagi prosedur yang dibenarkan untuk dimohon, iaitu permohonan bagi mencabar kesahan sesuatu peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan isu keperlembagaan.

Dengan merujuk kes *Lai Hai Beng lwn Perlembagaan Persekutuan*, perayu didakwa di Mahkamah Majistret Petaling Jaya pada tahun 2020 di bawah Seksyen 498 Kanun Keseksaan kerana dituduh memikat atau menggoda wanita yang sudah berkahwin di sebuah pangsapuri di Selangor pada tahun 2018 selepas laporan polis dibuat oleh suami wanita berkenaan.

Ketika prosiding, perayu membuat permohonan untuk mencabar kesahan Seksyen 498 Kanun Keseksaan tersebut. Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam membenarkan permohonan lelaki terbabit untuk merujuk pertikaian perlembagaan ke Mahkamah Persekutuan berdasarkan Seksyen 30 dan Seksyen 84 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Dengan berdasarkan petisyen rayuan, perayu berhujah bahawa Seksyen 498 Kanun Keseksaan ialah peruntukan yang mendiskriminasikan wanita yang tidak sah dan kuno serta melanggar Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, perayu juga berhujah bahawa seksyen ini mendiskriminasikan wanita kerana menganggap wanita ialah orang bawahan atau berstatus lebih rendah daripada suaminya, seterusnya melanggar prinsip kesaksamaan gender. Perayu menekankan ketidakadilan mahkamah yang mengekalkan undang-undang yang menghalang wanita daripada memiliki hak terhadap tubuh dan seksualitinya sendiri dan meneruskan tanggapan bahawa suami ialah tuan bagi isterinya dalam konteks undang-undang moden yang menyokong kesaksamaan gender. Sebaliknya, pihak responden pula berhujah bahawa Seksyen 498 Kanun Keseksaan tidak bertentangan dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Pada akhir perbicaraan, mahkamah memutuskan bahawa Seksyen 498 tidak berperlembagaan kerana mendiskriminasikan wanita, seterusnya melanggar Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan. Secara umumnya, Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak kesamarataan rakyat Malaysia. Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa setiap individu di Malaysia mempunyai hak yang sama di sisi undang-undang tanpa mengira latar belakangnya. Selanjutnya, Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan pula menegaskan larangan diskriminasi terhadap warganegara berdasarkan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam undang-undang dan pelantikan jawatan awam. Dalam penghakiman tersebut, mahkamah menekankan bahawa Seksyen 498 Kanun Keseksaan yang hanya membenarkan suami untuk membuat aduan merupakan satu daripada bentuk diskriminasi berdasarkan jantina. Oleh sebab responden gagal menunjukkan sebarang peruntukan perlembagaan yang secara eksplisit membenarkan diskriminasi jantina sedemikian, mahkamah membuat kesimpulan bahawa Seksyen 498 Kanun Keseksaan mesti dimansuhkan kerana tidak konsisten dengan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah juga menyatakan bahawa hujah yang berkaitan dengan pengelasan yang munasabah di bawah Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan dengan mandat antidiskriminasi di bawah Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan adalah tidak relevan dalam konteks ini.

Mahkamah juga mendapati bahawa pendekatan ini tidak sesuai dan cacat, serta menekankan bahawa diskriminasi berdasarkan jantina tidak boleh dibenarkan.

Tambahan pula, mahkamah menerangkan bahawa Seksyen 498 Kanun Keseksaan digubal sebelum negara ini mencapai kemerdekaan. Oleh itu, Perkara 162(6) dan 162(7) Perlembagaan Persekutuan terpakai. Perkara 162(6) Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa mana-mana mahkamah yang menggunakan peruntukan mana-mana undang-undang yang sedia ada yang belum diubah suai pada atau selepas negara merdeka, boleh menggunakannya dengan apa-apa ubah suaian yang perlu untuk menyelaraskannya dengan peruntukan perlembagaan ini. Maksud “ubah suaian” ditafsirkan sebagai pindaan, penyesuaian dan pemansuhan sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 162(7). Mahkamah juga berpandangan bahawa peruntukan tersebut tidak mampu diubah suai kerana akan mengubah watak kesalahan. Oleh hal yang demikian, satu-satunya cara untuk membatalkannya adalah dengan memansuhkannya menerusi kehakiman.

## **KAJIAN LEPAS**

Terdapat beberapa penulisan yang membincangkan peruntukan Seksyen 498 Kanun Keseksaan dan kesalahan yang berkaitan dengan memikat atau menggoda isteri orang lain. Nor Aini Abdullah (2010) dalam penulisannya berpendapat bahawa Seksyen 498 Kanun Keseksaan ialah kesilapan lama yang melibatkan kehilangan kawalan sewajarnya bagi seorang suami terhadap isterinya untuk tujuan persetubuhan haram. Peruntukan ini digubal kerana wanita dianggap sebagai hak milik suami pada abad ke-19. Pada waktu itu, kebanyakan isteri merupakan suri rumah yang memasak dan menyediakan makanan untuk keluarga, menjaga anak di rumah ketika suami bekerja, serta jarang-jarang kelihatan bekerja atau mempunyai profesion seperti pada hari ini. Oleh hal yang demikian, tujuan peruntukan ini diperkenalkan adalah untuk melindungi hak suami bagi mengekalkan perkahwinan. Peruntukan ini jelas digubal untuk melindungi suami sahaja, bukannya isteri, seterusnya menjadikannya kelihatan ketinggalan zaman dan tidak seiring dengan peranan wanita pada hari ini.

Selain itu, Nor Aini Abdullah (2010) juga menegaskan bahawa peruntukan ini menunjukkan bahawa persetujuan isteri tidak penting. Seksyen ini mendiskriminasikan dan menghina wanita kerana menggambarkan bahawa wanita yang sudah berkahwin tidak mampu membuat keputusan untuk diri sendiri dan perlu dilindungi oleh undang-undang daripada dipikat oleh lelaki. Pengkaji tersebut juga menegaskan bahawa wanita mempunyai

kedudukan, kuasa dan tanggungjawab dalam masyarakat di Malaysia. Oleh itu, peruntukan ini menafikan hak wanita untuk membuat keputusan mengenai diri sendiri di bawah undang-undang ini. Selanjutnya, pengkaji tersebut juga berpandangan bahawa seksyen tersebut hanya terpakai pada lelaki yang memikat atau mengambil wanita yang sudah berkahwin, bukan sebaliknya, yang dilihat sebagai berat sebelah terhadap wanita. Pengkaji tersebut menggesa pemansuhan Seksyen 498 Kanun Keseksaan kerana merendahkan dan mencabul maruah, serta menyekat kebebasan wanita. Pengkaji tersebut mencadangkan bahawa undang-undang itu sudah lapuk dan tidak relevan dalam masyarakat moden kerana wanita sepatutnya mempunyai hak untuk membuat pilihan sendiri tanpa dikawal oleh lelaki.

Pandangan ini juga disokong oleh Bo Chi Chian et al. (2022). Pengkaji itu berpandangan bahawa wanita perlu dihormati dalam masyarakat yang beradab sebagai lambang ketamadunan yang sebenar dan wanita pula akan dihargai apabila diperlakukan sama taraf dengan lelaki. Dalam hal ini, idea tradisional, iaitu suami ialah tuan rumah keluarga dipersoalkan dan kesaksamaan yang menjadi prinsip utama perkahwinan perlu diutamakan. Bo Chi Chian et al. (2022) juga menyorot keperluan bagi saling menghormati dan hak yang sama untuk memelihara kesucian perkahwinan. Selain itu, pengkaji itu juga mengkritik peruntukan undang-undang yang dianggap sebagai penindasan terhadap wanita, di samping memperjuangkan pembatalan peruntukan Seksyen 498 Kanun Keseksaan dan mendesak badan perundangan negara untuk bertindak segera bagi mempromosikan kesaksamaan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks yang lebih luas, pengkaji tersebut mencadangkan pelaksanaan Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) dalam undang-undang Malaysia. Menerusi pemansuhan peruntukan tersebut, bukan institusi kekeluargaan sahaja akan menjadi lebih baik, bahkan undang-undang domestik mengenai hak wanita juga akan selaras dengan standard antarabangsa. Walaupun bertujuan untuk melindungi institusi perkahwinan, seksyen ini menjadi subjek kritikan kerana dianggap ketinggalan zaman dan berbentuk diskriminatif. Pengkaji ini mengemukakan pandangan bahawa peruntukan ini mengabaikan hak dan persetujuan wanita yang sudah berkahwin, serta menggambarkan wanita sebagai individu yang tidak mampu membuat keputusan untuk diri sendiri.

Wan Fauzi Hashim @ Wan Husain (2023) pula memberikan pandangan yang berbeza. Pengkaji ini menegaskan bahawa inti pati Seksyen 498 Kanun Keseksaan digubal berdasarkan ajaran Islam. Seksyen ini sejajar

dengan peruntukan yang termaktub dalam Hukum Kanun Pahang, Hukum Kanun Johor dan Hukum Kanun Perak. Oleh itu, undang-undang ini wajib dipelihara bagi mengekalkan prinsip moral yang berakar daripada adat dan kepercayaan agama. Pemansuhan seksyen ini dilihat sebagai pengabaian terhadap kewajiban tersebut yang dapat menyebabkan ketidakstabilan moral dalam keluarga dan masyarakat.

Roslina Che Soh @ Yusof et al. (2021) menyuarakan pandangan yang senada. Pengkaji ini menerangkan bahawa kelakuan zina tidak dianggap sebagai jenayah di Malaysia berdasarkan undang-undang sivil, namun godaan atau penahanan wanita yang berkahwin dengan niat melakukan persetubuhan haram ialah jenayah di bawah Seksyen 498 Kanun Keseksaan. Pengkaji ini menegaskan kepentingan penambahbaikan seksyen tersebut atau penggubalan undang-undang khusus bagi melindungi institusi kekeluargaan disebabkan oleh peningkatan kes orang ketiga dalam perkahwinan yang menyebabkan keretakan perkahwinan. Pemansuhan seksyen ini mungkin mengakibatkan peningkatan perilaku tidak bermoral yang merugikan institusi perkahwinan. Pengkaji ini juga mengulas bahawa Seksyen 498 Kanun Keseksaan adalah penting untuk menjaga rumah tangga daripada retak disebabkan oleh kehadiran orang ketiga. Pengkaji ini menyatakan bahawa satu daripada punca utama perceraian ialah pelibatan orang ketiga dalam perkahwinan. Oleh itu, pemansuhan seksyen ini berpotensi meningkatkan risiko perceraian kerana ketiadaan undang-undang yang menghalang campur tangan pihak ketiga dalam perkahwinan.

Pandangan yang serupa diketengahkan oleh Muhammad Fathi Yusof (2023). Pengkaji ini mempertikaikan pemansuhan Seksyen 498 Kanun Keseksaan dengan mengemukakan beberapa alasan yang munasabah untuk dinilai. Keputusan tersebut menimbulkan pelbagai persoalan dari beberapa aspek, termasuklah dari sudut kaedah tafsiran undang-undang, pengaruh hak asasi Barat dalam sistem kehakiman negara, peranan negara dan undang-undang dalam penjagaan keharmonian kekeluargaan, konsep hak persamaan, falsafah perundangan dalam soal moral dan kedudukan kesalahan yang serupa di bawah enakmen jenayah syariah. Pengkaji ini menjelaskan bahawa perbuatan menggoda dan memikat isteri orang ialah perbuatan yang tidak baik. Perbuatan ini dapat mencetuskan dendam dan perbalahan, selain menyebabkan kesalahan lain, seperti berzina, bahkan dapat mendorong pembunuhan. Dalam konteks kekeluargaan dan ikatan perkahwinan, kesalahan ini ialah unsur yang merosakkan keharmonian rumah tangga. Jika tidak dicegah melalui hukuman, perkara

ini dapat menjadi barah dalam institusi kekeluargaan. Pengkaji ini turut menjelaskan bahawa asas yang digunakan untuk menganggap Seksyen 498 Kanun Keseksaan sebagai tidak sah juga amat rapuh. Prinsip hak persamaan di bawah Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan bukanlah satu prinsip yang mutlak, terutamanya yang berkaitan dengan “jantina”. Pada asalnya, hak persamaan hanya berkaitan dengan empat perkara, iaitu agama, ras, keturunan dan tempat lahir. Hanya pada tahun 2001, kata “jantina” ditambah sebagai satu daripada asas hak persamaan. Namun begitu, persamaan jantina tidak mutlak kerana memang ada situasi yang menghalang persamaan antara lelaki dengan wanita. Dalam konteks kekeluargaan misalnya, banyak unsur yang perlu dibezakan antara kedua-dua jantina ini, begitu juga dalam aspek yang berkaitan dengan perbezaan semula jadi antara lelaki dengan wanita, seperti aspek biologi, fizikal dan keupayaan. Nor Asyikin Abd Rahman (2018) pula menegaskan bahawa kehadiran orang ketiga dalam rumah tangga satu daripada sebab perceraian. Perbuatan mencintai isteri atau suami orang lain adalah haram dan satu daripada punca keruntuhan dan kehancuran rumah tangga sesebuah keluarga, serta amat dimurkai oleh Rasulullah SAW.

Pendapat yang lebih neutral dilontarkan oleh Mohamed Hanifa Maidin (2023) apabila menyatakan bahawa pandangan yang dikemukakan tidak bermaksud bersetuju dengan perbuatan lelaki yang menggoda isteri orang. Pengkaji ini menjelaskan bahawa hakim Mahkamah Persekutuan, memutuskan bahawa Seksyen 498 Kanun Keseksaan mendiskriminasikan wanita secara tidak sah hanya disebabkan oleh jantina, yang bertentangan dengan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan. Diskriminasi jantina dimasukkan dalam Artikel 8 (2) Perlembagaan Persekutuan setelah negara ini meratifikasikan CEDAW. Banyak orang, khususnya golongan feminis yang menganggap CEDAW sebagai “undang-undang hak asasi manusia antarabangsa golongan wanita”. Secara inti pati, CEDAW memelopori persamaan mutlak antara lelaki dengan wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana majoriti pejuang CEDAW menganut ideologi *universalisme*, bukannya ideologi *cultural relativism* atau ideologi Jack Donnelly, iaitu *relative universality*. Bagi negara Islam, meskipun CEDAW mengandungi beberapa peruntukan yang positif untuk wanita, terdapat peruntukan tertentu yang dilihat tidak sesuai dengan undang-undang syariah. Oleh itu, meskipun negara Islam meratifikasikannya, CEDAW diratifikasikan dengan beberapa pengubahsuaian. Seksyen 498 Kanun Keseksaan tidak terpakai untuk wanita yang menggoda suami orang. Oleh itu, hanya lelaki yang boleh didakwa kerana menggoda isteri lelaki lain. Dalam hal ini, jika seorang suami terlibat

dalam perzinaan dengan isteri orang lain, isteri penggoda tersebut tidak mempunyai saluran undang-undang yang tersedia dalam Kanun Keseksaan. Oleh itu, jelaslah bahawa seksyen ini berunsurkan diskriminasi terhadap wanita dan bercanggah dengan Artikel atau Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini tidak boleh dianggap menyalahi agama kerana mahkamah diminta untuk memutuskan kesahan sesuatu undang-undang dari aspek perlembagaan, bukannya aspek al-Quran dan hadis.

Di India, Mahkamah Agung memansuhkan peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan perzinaan dengan isteri orang di bawah Seksyen 497 Kanun Keseksaan India. Santosh Kumar dan Tejazvi Raj (2023) menjelaskan bahawa pada tahun 2018, hakim Mahkamah Agung India mengisytiharkan bahawa Seksyen 497 Kanun Keseksaan India yang menjenayahkan perzinaan melanggar perlembagaan negara tersebut, seterusnya memansuhkan peruntukan tersebut melalui kes *Joseph Shine lwn Union of India* (2019) 3 SCC 39. Keputusan ini dilihat sebagai langkah penting ke arah kesaksamaan jantina dan dapat mengatasi ketidakadilan undang-undang yang memperlakukan wanita sebagai hak milik suami. Undang-undang ini juga dianggap oleh sebahagian pihak sebagai undang-undang kuno yang tidak sesuai diamalkan pada zaman moden. Walaupun undang-undang tersebut diubah, sikap masyarakat terhadap perbuatan zina kekal sangat konservatif di India. Zina masih mendapat tentangan secara meluas, terutamanya bagi wanita, yang mungkin menghadapi pengasingan sosial, keganasan, atau penghormatan dan pembunuhan jika terlibat dalam hubungan luar nikah. Beban untuk setia dalam rumah tangga berlaku secara tidak seimbang, iaitu hanya kepada wanita, yang diharapkan untuk tetap setia terhadap suaminya. Di samping itu, terdapat juga kesan dari aspek ekonomi dan undang-undang perzinaan di India. Dalam prosiding perceraian, zina dapat digunakan sebagai bukti salah laku perkahwinan dan dapat menjejaskan pembahagian harta, nafkah dan urusan penjagaan anak. Tambahan pula, sesetengah syarikat mempunyai polisi yang melarang pekerja daripada terlibat dalam hubungan luar nikah yang dapat menyebabkan penamatan pekerjaan. Secara keseluruhannya, walaupun landskap undang-undang yang berkaitan dengan perzinaan telah berubah di India, sikap masyarakat dan norma budaya terus menjunjung kesucian perkahwinan dan menghukum orang yang menyimpang daripadanya. Perzinaan memberikan kesan terhadap institusi kekeluargaan dan anak. Terdapat juga pihak yang mencadangkan penggubalan peruntukan yang seimbang antara gender bagi membendung gejala perzinaan di India. Walau bagaimanapun, pemansuhan seksyen ini tidak terpakai pada anggota angkatan tentera. Pemakaian ini dapat dilihat apabila pada 31 Januari 2023,

Mahkamah Agung memutuskan bahawa penghapusan jenayah zina tidak memberikan kesan terhadap anggota angkatan tentera di bawah Seksyen 69 Akta Tentera 1950, begitu juga peruntukan Seksyen 498 Kanun Keseksaan India yang memperuntukkan kesalahan menggoda isteri orang lain yang masih berkuat kuasa.

## **METODOLOGI**

Pengkaji menggunakan pendekatan kajian campuran yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan pemahaman yang komprehensif. Data kualitatif diperolehi melalui kajian kepustakaan dan dokumentasi yang melibatkan analisis bahan akademik, undang-undang dan dokumen yang relevan bagi memahami latar belakang teori dan perspektif undang-undang mengenai moral serta kesamarataan gender. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menilai dokumen ini dan mengenal pasti tema utama yang berkaitan dengan implikasi pemansuhan Seksyen 498 Kanun Keseksaan. Bagi kaedah kuantitatif, soal selidik digunakan untuk mengumpulkan pandangan daripada pelbagai responden, termasuklah ahli akademik, pengamal undang-undang dan orang awam. Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan kaedah deskriptif melalui frekuensi dan peratusan untuk menunjukkan persepsi umum terhadap isu ini. Penggunaan pendekatan campuran ini dapat memastikan bahawa kajian ini berasaskan teori dan data empirikal yang kukuh, serta menyediakan cadangan yang lebih relevan dan praktikal berhubung dengan pemansuhan Seksyen 498.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Selepas mengemukakan kajian lepas berhubung dengan kajian ini, perbincangan selanjutnya tertumpu pada perbincangan dan dapatan yang diperolehi.

### **Kesamarataan Gender Berdasarkan Perspektif Undang-undang**

Malaysia mula meratifikasikan Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) pada tahun 1995. Kesamarataan gender merupakan isu utama yang menjadi dasar kewujudan Konvensyen CEDAW. Konvensyen ini menetapkan bahawa kesamarataan gender ialah asas penting dalam usaha untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita. Melalui prinsip kesamarataan ini, CEDAW menekankan kepentingan pemberian hak yang sama terhadap wanita dalam semua aspek kehidupan, termasuklah politik, ekonomi, sosial dan budaya. Perkara ini penting

untuk memastikan wanita tidak lagi menghadapi diskriminasi dalam mana-mana bidang dan haknya dilindungi sepenuhnya.

Satu daripada kesan penting peratifikasian Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) di Malaysia ialah pindaan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang melarang diskriminasi berdasarkan gender. Pada tahun 2001, Perkara 8 yang berkaitan dengan “kesamarataan” telah dipinda dengan memasukkan unsur gender dalam perlindungan undang-undang, yang memperluas skop kesamarataan bagi melindungi hak asasi wanita. Dalam hal ini, subseksyen (2) Perkara 8 (2020:24) menyatakan bahawa:

Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini, tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang atau sektor swasta.

Kesamarataan gender menjadi alasan utama bagi pemansuhan Seksyen 498 Kanun Keseksan sebagaimana yang dijelaskan dalam alasan penghakiman. Seksyen ini berkaitan dengan kesalahan memikat atau menggoda wanita sudah berkahwin, iaitu hanya suami boleh mengambil tindakan terhadap orang yang menggoda isterinya. Pemansuhan ini dilihat sebagai langkah untuk memperkukuh prinsip kesamarataan gender kerana undang-undang ini memberikan hak yang berat sebelah kepada lelaki, manakala isteri tidak mempunyai hak yang setara untuk mempertahankan perkahwinannya.

Walau bagaimanapun, pemansuhan ini tidak bermakna bahawa kesalahan moral, seperti perzinaan, harus dihapuskan sepenuhnya daripada tindakan undang-undang. Kesalahan moral, seperti perzinaan, masih dianggap serius dalam konteks budaya dan agama masyarakat di Malaysia, khususnya dalam Islam dan agama lain yang menganggap perzinaan sebagai perbuatan yang melanggar nilai moral. Perzinaan telah lama dianggap bertentangan dengan nilai budaya dan agama di negara ini. Oleh itu, walaupun kesamarataan gender menjadi faktor dalam pemansuhan peruntukan tersebut, isu moral masih perlu ditangani melalui undang-undang atau mekanisme lain yang lebih sesuai, selaras dengan nilai masyarakat Malaysia yang berpegang pada agama dan moral. Dalam hal ini, perlu ada keseimbangan antara pemeliharaan prinsip kesamarataan gender dan penjagaan keutuhan moral masyarakat.

## **Perzinaan sebagai Satu Kesalahan Moral dari Perspektif Agama dan Sejarah**

Islam merupakan agama rasmi bagi Malaysia. Kedudukan Islam di Malaysia penting dan unik, mencerminkan sejarah, budaya dan peranan Islam dalam kehidupan masyarakat, serta struktur politik dan perundangan negara. Keistimewaan Islam di negara ini dijelaskan melalui Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Peruntukan ini memberikan Islam kedudukan istimewa sebagai agama rasmi di negara ini. Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia ialah aspek penting yang mencerminkan identiti dan sejarah negara yang telah bertapak sekian lamanya.

Islam adalah agama yang lengkap dan sempurna yang ajarannya merangkumi setiap lapisan masyarakat, sama ada kepada individu, keluarga dan masyarakat. Ajaran Islam juga merangkumi semua aspek kehidupan yang meliputi akidah, ibadah dan akhlak atau moral (Suhaizad Saifuddin et al., 2024). Perzinaan merupakan satu daripada perbuatan yang termasuk dalam dosa besar dan amat ditegah dalam agama Islam. Islam amat menjaga matlamat *maqasid syariah* berhubung dengan pemeliharaan nyawa, agama, akal, keturunan dan harta dalam segenap aspek kehidupan manusia (Suhaizad Saifuddin et al., 2021). Definisi zina menurut pandangan mazhab Maliki ialah persetubuhan seseorang yang mukalaf dengan kemaluan seseorang yang bukan miliknya (al-Dusuki, 1929). Mazhab Hanifi mentakrifkan zina sebagai persetubuhan antara lelaki dengan perempuan yang bukan miliknya atau seumpamanya (al-Zabla'ei, 2010). Mazhab Syafii pula memberikan maksud zina sebagai memasukkan kemaluan lelaki ke dalam kemaluan wanita tanpa keraguan dan dengan keinginan (al-Nawawi, 2001), manakala mazhab Hambali mendefinisikan zina sebagai perbuatan yang keji, sama ada melalui *qubul* atau dubur (Ibn Qudamah, 1948). Pengharaman zina ini berdasarkan firman Allah SWT dalam terjemahan surah al-Israa' ayat 32 (Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran, 2013:522) yang bermaksud: “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

Ayat ini secara jelas melarang perbuatan zina. Tambahan pula, Ibn Kathir (1997) menjelaskan bahawa Allah SWT melarang perbuatan zina dan menegah manusia daripada mendekatinya. Perzinaan merupakan suatu yang sangat keji kerana menjadi punca yang menyebabkan nasab (keturunan) kacau-bilau dan manusia bunuh-membunuh kerana

mempertahankan kehormatan. Perzinaan juga merupakan perbuatan yang buruk kerana menyamai sikap haiwan yang tidak memerlukan perkahwinan (al-Maraghi, 1945). Perbuatan perzinaan juga mempunyai unsur pembunuhan dari perspektif yang berbeza. Perzinaan dianggap sebagai bentuk pembunuhan kerana perbuatan menyalurkan benih kepada tempat yang tidak sepatutnya diikuti dengan keinginan untuk membunuh janin tersebut. Dari perspektif lain, perzinaan dapat dilihat sebagai suatu bentuk pembunuhan moral masyarakat kerana memenuhi keinginan seksual dengan mudahnya melalui perzinaan, seterusnya menghapuskan kepentingan untuk mengekalkan hubungan yang setia. Perzinaan juga menjadikan keluarga sebagai suatu tanggungjawab yang tidak penting, sedangkan keluarga merupakan institusi untuk mengasuh dan membesarkan anak dengan didikan yang baik. Perzinaan menjadi faktor penyumbang bagi keruntuhan insituti kekeluargaan dan masyarakat sejak zaman jahilillah sehingga kini (Syed Qutb, 1972). Pengharaman zina juga dijelaskan dengan hukuman yang ditetapkan oleh Allah SWT dalam terjemahan surah al-Nur ayat 2 (Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran, 2013:679) yang bermaksud:

Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat.

Di samping ayat ini, Nabi SAW turut melarang perbuatan zina dalam Sahih Muslim (1978:1313) seperti yang berikut:

Ambillah dari diriku, ambillah dari diriku, sesungguhnya Allah telah memberi jalan keluar (hukuman) untuk mereka (penzina). Lelaki dan perempuan yang belum berkahwin dan berzina hukumannya sebatan seratus kali dan pengasingan selama satu tahun. Sedangkan penzina yang telah berkahwin hukumannya ialah sebatan seratus kali dan direjam.

Dalil ini menetapkan hukuman bagi penzina yang belum berkahwin (*ghairu muhsan*) dan bagi penzina yang telah berkahwin (*muhsan*). Dalam Islam, perzinaan termasuk dalam kategori kesalahan hudud. Menurut jumhur fuqaha, hudud bermaksud hukuman yang sudah ditentukan oleh syarak sebagai hak Allah SWT (Abu Zahrah, 1997). Hudud juga diertikan

sebagai hukuman yang telah ditetapkan kadar hukumannya oleh syarak bagi memenuhi hak Allah SWT. Oleh itu, qisas tidak boleh disamakan dengan hudud kerana dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan hak individu (Ibn Al-Humam, 1970).

Perbuatan zina bukan sahaja diharamkan dalam Islam, bahkan dalam semua agama Samawi dan ditentang dengan kerasnya. Agama Islam melarang perzinaan kerana perbuatan itu merosakkan keturunan keluarga, meningkatkan kes pembuangan janin dan anak, menjatuhkan nama baik kaum kerabat, memecah-belahkan hubungan silaturahim, menyebarkan penyakit kronik, menjadikan nafsu bermaharajalela dan merendahkan moral insan (Yusuf al-Qardawi, 1960).

Selain agama Islam, agama Kristian juga memperuntukkan hukuman yang berat terhadap penzina. Perjanjian Lama (*King James Version*) menetapkan hukuman mati dengan cara merejam untuk beberapa jenayah, termasuklah mencuri, berkhubah berkaitan agama lain atau mengamalkan agama yang berbeza, mengutuk Tuhan dan raja, menjadi ahli sihir, menjadi anak yang degil atau memberontak dan jenayah besar lain. Rejam merupakan satu daripada kaedah utama hukuman mati dalam Perjanjian Lama (Azman, 2010). Asas hukuman rejam yang khusus untuk perzinaan jelas diperuntukkan, iaitu “Jika seorang lelaki berzina dengan isteri lelaki lain, walaupun dengan isteri jirannya, kedua-dua penzina dan perempuan berzina mesti dihukum mati” Leviticus (20:10–12, hlm. 146). Selanjutnya juga dinyatakan bahawa, “Jika seorang lelaki bertemu di sebuah kota dengan seorang perawan yang diikrarkan untuk berkahwin dan menidurinya, kamu harus membawa kedua-duanya ke pintu gerbang kota itu dan melempari mereka dengan batu. sampai mati” Deuteronomy (22:22–24, hlm. 158).

Perzinaan juga mempunyai sejarah yang kompleks di India yang menjangkau ribuan tahun. Pada zaman India purba, konsep perzinaan berkait rapat dengan institusi perkahwinan yang dianggap sebagai ikatan suci antara dua individu. Teks India kuno, Manusmriti, menetapkan hukuman yang berat bagi perzinaan, termasuk penghinaan awam, buang negeri dan hukuman mati. Walau bagaimanapun, hukuman ini selalunya dikhususkan untuk wanita, manakala lelaki sering dibenarkan terlibat dalam hubungan luar nikah dengan sedikit atau tiada hukuman dikenakan. Pada zaman pertengahan, perzinaan masih dikecam, tetapi tidak dihukum seberat zaman dahulu. Maharaja Mughal Akbar, misalnya, dikatakan mempunyai ramai isteri dan gundik, dan istananya terkenal dengan sikap liberalnya terhadap seksualiti (Santosh Kumar & Tejazvi Raj, 2023).

Menyorot sejarah undang-undang di Malaysia, permulaan pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini amat berkait rapat dengan Zaman Kesultanan Melayu apabila bermulanya proses Islamisasi dengan kedatangan Islam ke Asia Tenggara dan Nusantara pada waktu tersebut. Menurut Syed Muhammad Naquib (1969), Islam mula diterima di Melaka lebih kurang pada tahun 812 hijrah, bersamaan dengan 1409 masihi dan merupakan institusi kesultanan Melayu Islam pertama di Semenanjung Malaysia. Dari sudut perundangan, undang-undang Islam direkodkan menerusi Hukum Kanun Melaka yang merupakan undang-undang utama pada waktu itu. Teks undang-undang yang terkandung menerusi Hukum Kanun Melaka ini pada keseluruhannya berpandukan mazhab Syafie, selain terdapat unsur adat Melayu yang turut diterapkan. Hukum Kanun Melaka meliputi bidang kuasa yang luas yang mencakupi bidang jenayah, muamalah, keluarga, acara, keterangan, adab hakim, undang-undang pentadbiran dan pemerintahan. Hukuman keseksaan terhadap orang yang dibuktikan melakukan kesalahan adalah dalam bentuk hudud, *qisas*, diat dan takzir (Mahmood Saedon, 1988). Hukum Kanun Melaka memperuntukkan beberapa kesalahan jenayah yang selari dengan hukum Islam. Misalnya, Fasal 40 membicarakan kesalahan zina dan bentuk hukuman terhadap penzina *muhsan* dan *ghairu muhsan* sebagaimana yang ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat satu peruntukan pada Fasal 12 berhubung dengan kesalahan seksual yang tidak mencapai taraf perzinaan yang boleh dikenakan hukuman takzir dan hukuman terhadap sesiapa yang cuba memperdayakan isteri orang atau anak dara orang lain. Selepas Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang digubal berpandukan Hukum Kanun Melaka (Abu Hasan Mohd Sham, 2011). Selain itu, Undang-undang Kedah juga mengkanunkan undang-undang dengan merujuk Hukum Kanun Melaka (Mariyam Salim, 2005). Oleh hal yang demikian, dapat difahami bahawa undang-undang yang berkaitan dengan pengharaman zina berakar umbi sejak Hukum Kanun Melaka dan undang-undang di negeri lain yang berlandaskan agama Islam yang sebenar. Bahkan, secara khusus, undang-undang tersebut mempunyai satu peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan memperdayakan isteri orang. Peruntukan berkaitan zina dan mengganggu rumah tangga orang lain masih termaktub dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri walaupun kesalahan tersebut termasuk di bawah kategori kesalahan takzir, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984. Melalui akta ini, hukuman telah dihadkan kepada denda lima ribu ringgit, tiga tahun pemenjaraan dan enam kali sebatan (Suhaizad Saifuddin et al., 2024).

### **Keperluan Menjenayahkan Kesalahan Menggoda Pasangan Orang Lain**

Perkahwinan ialah institusi asas dalam sesebuah masyarakat. Perbuatan menggoda pasangan orang lain dapat mengancam kestabilan rumah tangga, menjejaskan kepercayaan antara pasangan dan menyebabkan perceraian. Di Malaysia, nilai agama, terutamanya Islam, berperanan penting dalam sistem perundangan. Perbuatan curang sehingga menyebabkan perzinaan dianggap sebagai dosa besar dalam Islam dan bertentangan dengan nilai moral masyarakat. Tambahan pula, isu orang ketiga sering menjadi punca utama perceraian yang menjejaskan kehidupan pasangan suami isteri dan anaknya.

Isu menggoda pasangan orang lain atau orang ketiga merupakan satu daripada faktor yang sering menjadi punca perceraian di Malaysia. Kehadiran orang ketiga sering dilihat sebagai pengkhianatan dan dapat merosakkan kepercayaan antara pasangan, yang merupakan asas penting dalam perkahwinan, lebih-lebih lagi, apabila pengkhianatan tersebut turut melibatkan perzinaan. Di Malaysia, faktor perceraian yang disebabkan oleh pengkhianatan, kecurangan atau ketidaksetiaan pasangan bukanlah perkara asing (Rogayah Estar Mohamad et al., 2021). Di samping itu, terdapat laporan yang mendedahkan bahawa kini kecurangan menjadi satu daripada faktor perceraian yang makin membimbangkan. Dengan berdasarkan laporan yang sama, Perunding Motivasi dan Kaunseling Keluarga, Dr. Robiah Hamzah menyatakan bahawa kebanyakan kes kecurangan dalam perkahwinan melibatkan suami. Menerusi pengalamannya ketika menangani kes kaunseling rumah tangga, sebanyak lapan daripada 10 kes yang dirujuk kepadanya melibatkan suami yang curang (Shafiyah Iqlimah Mohd Nadzri, 2020). Faktor perceraian akibat perbuatan curang makin meningkat selari dengan perkembangan teknologi, khususnya melalui penggunaan media sosial dan pelbagai aplikasi dalam kehidupan seharian (Avvyat Anantya & Mirna Nur Alia Abdullah, 2024). Kemajuan teknologi memudahkan hubungan luar perkahwinan yang terlarang dan kecurangan. Situasi ini meningkatkan jumlah perceraian yang berpunca daripada kecurangan dalam hubungan suami isteri.

Bagi menyokong keperluan menjenayahkan perbuatan tersebut, pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada 108 orang responden yang mempunyai latar belakang yang pelbagai. Sebanyak 82% responden yang menyertai soal selidik ini beragama Islam dan selebihnya terdiri daripada lain-lain agama, seperti Budhha, Hindu dan Kristian. Dari segi status perkahwinan, sebanyak 101 responden bujang, enam responden berkahwin dan seorang responden duda. Bagi hal tentang

kesedaran undang-undang, sebanyak 60.2% responden menunjukkan kesedaran yang cukup tinggi tentang kewujudan Seksyen 498 yang menjenayahkan tindakan menggoda isteri orang. Walau bagaimanapun, 22.2% responden tidak tahu mengenai peruntukan ini, manakala 17.6% responden tidak pasti. Seterusnya, berkaitan dengan pengetahuan terhadap pemansuhan Seksyen 498 Kanun Keseksaan pada tahun 2023, sebanyak 67.6% responden mengetahuinya, manakala 32.4% responden tidak mengetahui atau menyedarinya. Selanjutnya, berkaitan dengan pandangan terhadap pemansuhan Seksyen 498 Kanun Keseksaan, 92.6% responden tidak bersetuju dan hanya 7.4% responden yang bersetuju, manakala selebihnya tidak pasti. Hal ini mencerminkan kebimbangan masyarakat terhadap kemungkinan implikasi negatif akibat pemansuhan tersebut. Bagi soalan, sama ada pemansuhan Seksyen 498 Kanun Keseksaan dapat memberikan implikasi negatif terhadap masyarakat, sebanyak 89.8% responden bersetuju bahawa pemansuhan tersebut memberikan implikasi negatif terhadap masalah moral masyarakat, manakala selebihnya memberikan pandangan tidak bersetuju. Secara lebih khusus, sebanyak 96.3% responden memberikan pandangan bahawa pemansuhan seksyen ini memberikan kesan negatif terhadap institusi kekeluargaan, termasuklah peningkatan kes perceraian, anak tidak sah taraf dan perzinaan, manakala hanya 3.7% responden yang tidak bersetuju. Dapatan ini juga disokong oleh sebahagian besar responden, iaitu sebanyak 97.2% bersetuju bahawa Seksyen 498 adalah penting dan berkaitan dengan ajaran agama, terutamanya Islam, serta nilai moral masyarakat yang berbilang kaum. Tambahan pula, sebanyak 99.1% responden percaya bahawa perbuatan zina yang melibatkan pasangan berkahwin melanggar nilai agama dan moral masyarakat, sama ada bagi orang Islam atau bukan Islam. Hal ini mengukuhkan pandangan bahawa perlindungan undang-undang terhadap perbuatan menggoda pasangan orang lain adalah penting bagi mengekalkan nilai moral yang tinggi dalam masyarakat. Akhir sekali, sebanyak 86.1% responden menyatakan sokongan untuk diwujudkan peruntukan baharu yang lebih seimbang dari segi gender, yang menjenayahkan tindakan menggoda pasangan yang telah berkahwin, sama ada suami atau isteri orang lain. Pandangan ini menunjukkan keperluan untuk mewujudkan satu peruntukan undang-undang yang lebih adil dan inklusif yang dapat melindungi kepentingan kedua-dua jantina secara sama rata. Pandangan ini mencerminkan keinginan masyarakat untuk mengekalkan etika dan moral yang kukuh dalam kehidupan masing-masing.

Menerusi dapatan ini, pengkaji berpandangan bahawa satu peruntukan baharu dalam Kanun Keseksaan atau undang-undang lain yang berkaitan dengan kesalahan moral perlu diwujudkan bagi memastikan perlindungan yang adil. Peruntukan ini haruslah menyeluruh, melindungi suami dan isteri daripada godaan pihak ketiga, adil dan selaras dengan prinsip kesamarataan gender yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini bersifat pencegahan, iaitu mengenakan hukuman yang wajar bagi memastikan tindakan menggoda pasangan orang lain tidak menjadi satu norma dalam masyarakat. Selain itu, hukuman juga perlu dipertingkatkan bagi membendung kerosakan terhadap institusi kekeluargaan dan moral masyarakat di negara ini. Secara keseluruhannya, menjenayahkan kesalahan menggoda pasangan orang lain adalah penting untuk mengekalkan keharmonian keluarga, melindungi institusi perkahwinan, dan menyelaraskan undang-undang dengan prinsip moral dan agama yang dipegang oleh masyarakat Malaysia.

## KESIMPULAN

Moral ialah asas penting dalam pembentukan kesejahteraan masyarakat madani, manakala peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan moral berfungsi untuk melindungi institusi kekeluargaan dan struktur sosial daripada kerosakan. Pemansuhan Seksyen 498 Kanun Keseksaan berdasarkan prinsip kesamarataan gender dilihat sebagai usaha untuk mengekalkan hak yang sama antara lelaki dengan wanita, selari dengan tuntutan hak asasi yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan. Penghakiman dalam kes ini menekankan bahawa undang-undang tidak dapat memberikan keistimewaan kepada satu jantina sahaja, dan harus mengiktiraf hak kedua-dua lelaki dan wanita secara seimbang. Namun begitu, pemansuhan ini tidak bermakna bahawa kesalahan moral, seperti perzinaan dapat dipinggirkan sepenuhnya. Dalam konteks Malaysia, iaitu Islam diiktiraf sebagai agama persekutuan, isu moral tetap penting dan berkait rapat dengan nilai agama dan budaya. Pemansuhan Seksyen 498 yang hanya melindungi isteri daripada digoda tanpa memberikan perlindungan serupa kepada suami dianggap sebagai bercanggah dengan prinsip kesamarataan gender yang ditekankan dalam penghakiman. Oleh itu, cadangan untuk mewujudkan peruntukan baharu yang menjenayahkan kesalahan memikat pasangan yang telah berkahwin tanpa mengira jantina seiring dengan kesamarataan gender dan memastikan perlindungan lebih seimbang. Cadangan ini tidak mendiskriminasi mana-mana jantina, memastikan bahawa undang-undang di Malaysia selari

dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan yang menjunjung tinggi prinsip kesamarataan gender sebagai asas keadilan. Hal ini bukan sahaja menjaga keharmonian keluarga, tetapi juga memastikan bahawa undang-undang moral dalam negara kekal relevan dan berfungsi sebagai alat perlindungan sosial yang adil dengan cara menghormati hak kedua-dua jantina secara setara.

### **PENGHARGAAN**

Penyelidik merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menyediakan kemudahan dan sumber penyelidikan bagi menyempurnakan makalah ini.

### **SUMBANGAN PENGARANG**

Suhaizad Saifuddin: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis statistik, penginterpretasian hasil, penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir, semakan dan penghantaran manuskrip akhir; Bernard Noel Beneldus: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis statistik, penginterpretasian hasil, penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir dan semakan.

### **PENDANAAN**

Penerbitan ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **KETERSEDIAAN DATA**

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

### **PERISYTIHARAN**

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

### **RUJUKAN**

Abu Hasan Mohd Sham. (2001). Peraturan dan Hukum Kanun di Pahang dari Zaman Melaka Hingga Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhaideen Shah. Dlm. Zainuddin Hj. Jumaat, Haji Saedan Abdul Latif, Haji Alang Ahmad Haji Teh, Mohd Anuar Ismail, Haji Mohd Kenali Haji Abu Talib & Mohd Adzmin Haji Mohd Saad (Eds.), *Pahang Meniti Zaman*. Persatuan Sejarah Pahang.

- Abu Zahrah. (1997). *Al-jarimah wa al-'uqubah fi al-fiqh al-Islami*. Dar al-Fikr al-Arabi.
- Ahmad Ibrahim & Mahmood Saedon A. Othman. (1988). *Ke arah islamisasi undang-undang di Malaysia*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Al-Dusuki Shamsuddin Muhammad. (1929). *Hasyiah al-Dusuki 'ala al-syarh al-kabir*. Maktabah al-Azhariyyah.
- Al-Maraghi. (1945). *Tafsir al-Maraghi*. Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Nawawi. (1955). *Sahih Muslim bi sharh al-Nawawi*. Dar Ihya' Al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Nawawi. (2001). *Al-majmu' syarh al-muhazzab*. Dar Ihya' Turath Al-'Arabi.
- Al-Zabla'ei. (2010). *Tabyiin al-haqaiq sharh kanz al-daqa'iq*. Matba'ah Bulak.
- Avvyat Anantya & Mirna Nur Alia Abdullah. (2024). Perceraian di era digital: Kasus perselingkuhan menjadi tren di media sosial dan dampaknya. *Jurnal Sosiologi, Antropologi, dan Budaya Nusantara*, 3(2), 100–107.
- Azman Mohd Noor. (2010). Stoning for Adultery in Christianity and Islam and its implementation in contemporary muslim societies. *Intellectual Discourse*, 18(1), 97–113.
- Bo Chi Chian, Liao Pin Chun & Wallace Kew JiaRong. (2022). Law of enticement – Does its rationale still hold waters nowadays? *University of Malaya Law Review*. <https://www.umlawreview.com/lex-in-breve/law-of-enticement-does-its-rationale-still-hold-water-nowadays>
- Ibn al-Humam. (1970). *Syarh fath al-qadir*. Mustafa Al-Babi Al-Halabi, Kaherah.
- Ibn Kathir. (1997). *Tafsir al-quran al-azim*. Dar Tayyibah Lil Nash Wa Tauzi'.
- Ibn Qudamah. (1984). *Al-Mughni*. Dar Al-Fikr.
- JAKIM. (2013). Tafsir pimpinan al-Quran kepada pengertian al-Quran (ed. ke-22). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Joseph Shine lwn Union of India, WP (Criminal) 194/2017 (Supreme Court of India, 2017).
- Kanun Keseksaan Malaysia, Akta 574. (2023). [https://lom.agc.gov.my/ilims/upload/portal/akta/outputaktap/1841145\\_BI/WJW23%EF%80%A21011%20Act%20574.pdf](https://lom.agc.gov.my/ilims/upload/portal/akta/outputaktap/1841145_BI/WJW23%EF%80%A21011%20Act%20574.pdf).
- Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593. (2021). [https://lom.agc.gov.my/ilims/upload/portal/akta/outputaktap/2368175\\_BM/Akta%20A1722.pdf](https://lom.agc.gov.my/ilims/upload/portal/akta/outputaktap/2368175_BM/Akta%20A1722.pdf).
- Lai Hen Beng lwn Pendakwa Raya, [2024] 1 CLJ 681 (Mahkamah Persekutuan, 2024).
- Mariyam Salim. (2005). *Undang-undang Kedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Hanifa Maidin. (2023, 27 Disember). Goda isteri: Memahami Seksyen 498 Kanun Keseksaan. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/691322>.
- Muhammad Fathi Yusof. (2023, 16 Disember). Pikat isteri orang tak salah: Adakah perogol juga boleh bebas? *Harakahdaily*. <https://harakahdaily.net/index.php/2023/12/16/pikat-isteri-orang-tak-salah-adakah-perogol-juga-boleh-bebas/>.

- Nor Aini Abdullah. (2010). Section 498 Penal Code (Act 574): An antiquated law? *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 37, 101–113.
- Nor Asyikin Abd Rahman. (2018). Orang ketiga: Punca kepada perceraian. *Buletin Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. chrome-extension://efaidnbmnnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://fsu.uis.edu.my/images/krc/buletin/artikel-krc-nov-2018.pdf.
- Rogayah Estar Mohamad, Elmi Baharuddin, Noorazeen Razali, Nurul Ashiqin Jaafar & Nur Filzahruz Mohamad. (2021). Sah, punca penceraian pasangan dewasa Islam: Perspektif badan pelaksana. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 368–380.
- Roslina Che Soh @ Yusof, Nora Abdul Hak, Noraini Mohd Hashim & Muhammad Helmi Md. Said. (2021). Repercussions of marital infidelity in Malaysia: A legal response. *IIUM Law Journal*, 29 (S1), 91–109.
- Santosh Kumar Tiwari & Tejasve Raj Tyagi. (2023). Changing dimension of adultery: An overview. *International Journal of Innovative Research and Creative Technology*, 9(11), 1–5.
- Shafiyah Iqlimah Mohd Nadzri. (2020). Polemik perceraian di Malaysia. *Perspektif*. Jabatan Kajian Politik Nasional & Antarabangsa, Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS). <https://www.tsis.my/wp-content/uploads/2020/06/Polemik-Perceraian-di-Malaysia.pdf>.
- Suhaizad Saifuddin & Hanifah Haydar Ali Tajuddin. (2024). Application Shifting the burden of proof in syariah criminal cases under the Syariah Court Evidence Enactment in Malaysia. *Journal of Shariah Law Research*, 9(1), 27–46.
- Suhaizad Saifuddin, Azizah Mat Rashid, Adibah Bahori & Mohamad Azhan Yahya. (2021). Peranan Undang-undang Syariah di Malaysia dalam melindungi hak kanak-kanak berdasarkan maqasid al-shari'ah, *Jurnal Muwafaqat*, 4(1), 93–109.
- Suhaizad Saifuddin, Nurul Fadhlina Che Daud & Nurul Akmar Mohamad Hilmi. (2024). Sulh as an instrument of alternative dispute resolution (adr): Practice in syariah court of Negeri Sembilan. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 34(2), 49-60.
- Suhaizad Saifuddin, Hanifah Haydar Ali Tajuddin, Mohamad Azhan Yahya, Mohamad Rizal Abd Rahman & Fatimah Yusro Hashim. (2024). Examining the application of standard of proof in criminal cases: A comparative analysis of Islamic Law and Common Law in Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(1), 11–22.
- Syed Naquib al-Attas. (1969). *Preliminary statement on a general theory of the islamization of the Malay-Indonesian archipelago*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Qutb. (1972). *Fi zilal al-Quran*. Dar Syuruk.
- Wan Ahmad Fauzi Hashim @ Wan Husain. (2023). Keberlembagaan Seksyen 498 Kanun Keseksaan: Analisis jurisprudens watan. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 11(2), 405–419.
- Yusuf al-Qardawi. (1960). *Al-Halal wa haram fi Islam*. Maktabah Wahbah Lil Tabaah wa Al-Nashr.